NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 56
Bil. 26

**18hb Disember 2003**

*TAMBAHAN No. 11*
*PERUNDANGAN*

**Pk. P.U. 19.**

ENAKMEN RIZAB MELAYU

(N.M.B. Bab 142)

PERINTAH RIZAB MELAYU (PINDAAN JADUAL KETIGA) 2003

(Seksyen 7)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 7 Enakmen Rizab Melayu *[N.M.B. Bab 142]*, Pihak Berkuasa Negeri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan mula berkuat kuasa**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Rizab Melayu (Pindaan Jadual Ketiga) 2003** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Pindaan Jadual Ketiga**

2. Jadual Ketiga kepada Enakmen Rizab Melayu dipinda di bawah tajuk "As applicable to Perak" dengan memasukkan selepas perkataan "Persatuan Nelayan Perak" perkataan "FELDA Holdings Berhad".

Bertarikh 22 November 2003.
[PTG. PK. 482-170(E); PU.PK. 67/71-50.]

HAJI SHARAIDIN BIN TAKIN
*Setiausaha,*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*
*Perak Darul Ridzuan*

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT

(F.M.S. Cap 142)

MALAY RESERVATIONS (AMENDMENT OF THIRD SCHEDULE) ORDER 2003

(Section 7)

IN exercise of the powers conferred by Section 7 of the Malay Reservations Enactment *[F.M.S. Cap 142]*, the State Authority makes the following order:

**Citation and commencement**

1. This Order may be cited as the **Malay Reservations (Amendment of Third Schedule) Order 2003** and shall come into force on the date of publication in the *Gazette*.

**Amendment of Third Schedule**

2. The Third Schedule to the Malay Reservations Enactment is amended under the heading "As applicable to Perak" by inserting after the words "Persatuan Nelayan Perak" the words "FELDA Holdings Berhad".

Dated 22 November 2003.
[PTG. PK. 482-170(E); PU.PK. 67/71-50.]

HAJI SHARAIDIN BIN TAKIN
*Secretary,*
*State Executive Council,*
*Perak Darul Ridzuan*

**PK. P.U. 20.**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN MARGASTUA IDRIS SHAH
(MAJLIS PERBANDARAN TAIPING) (FI) (PINDAAN) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 102*(f)* Akta Kerajaan Tempatan 1976 *[Akta 171]*, Majlis Perbandaran Taiping membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Taman Margastua Idris Shah (Majlis Perbandaran Taiping) (Fi) (Pindaan) 2003.**

(2) Undang-undang kecil ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2003.

**Pindaan undang-undang kecil 3**

2. Undang-Undang Kecil Taman Margastua Idris Shah (Majlis Perbandaran Taiping) (Fi) 1992 *[Pk. Pu. 38/92]*, yang disebut "Undang-Undang Kecil Ibu" dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dalam undang-undang kecil 3 dengan memasukkan selepas perenggan (3) perenggan yang berikut:

"(4) Kemasukan mana-mana orang ke dalam Zoo hendaklah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang didapati patut dikenakan oleh Yang Dipertua.".

**Pindaan Jadual**

3. Jadual kepada Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

*(a)* dengan menggantikan perkataan "RM" yang terdapat sebelum butiran (1) dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan tajuk yang berikut:

"Kategori Pelawat "Fi (RM)"; dan

*(b)* dengan memasukkan selepas butiran (7) dan butir-butir yang berhubungan dengannya tajuk, butiran dan butir-butir yang berikut:

"Safari Malam

| | *Kategori Pelawat* | *Fi (RM)* |
|---|---|---|
| (1) | Orang dewasa … … … … … | 10.00 seorang |
| (2) | Kanak-kanak (3-12 tahun) … … … | 6.00 seorang |
| (3) | Rombongan dewasa melebihi 20 orang dan wargatua (55 tahun ke atas) … … | 8.00 seorang |
| (4) | Rombongan kanak-kanak (lebih 20 orang) … … … | 4.00 seorang |
| (5) | Kamera Video ... ... ... … … | 5.00 sebuah". |

Bertarikh 16 Disember 2003
[M.P.Tpg. A1/10/2/32; Pu.Pk. 23/75(vii)]

DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HAJI AHMAD
*Yang Dipertua,*
*Majlis Perbandaran Taiping*

Disahkan 16 Disember 2003
[PSUK.PK.(KT-AM); Pu.Pk.23/75(vii)]

HAJI SHARAIDIN BIN TAKIN
*Setiausaha,*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*
*Perak Darul Ridzuan*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

TAMAN MARGASTUA IDRIS SHAH
(TAIPING MUNICIPAL COUNCIL) (FEE) (AMENDMENT)
BY-LAWS 2003

IN exercise of the powers conferred by paragraph 102*(f)* of the Local Government Act 1976 *[Act 171]*, the Taiping Municipal Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

**Citation and Commencement.**

1. (1) These by-laws may be cited as the **Taman Margastua Idris Shah (Taiping Municipal Council) (Fee) (Amendment) By-Laws 2003.**

(2) These By-Laws shall be deemed to have come into operation on 1 March 2003.

**Amendment of by-law 3.**

2. The Taman Margastua Idris Shah (Taiping Municipal Council) (Fee) By-Laws 1992 *[Pk. Pu. 38/92]*, which in these By-Laws are referred to as the "principal By-Laws", are amended in by-laws 3 by inserting after paragraph (3) the following paragraph:

"(4) The admission of any person to the Zoo shall be subject to such terms and conditions as the President deems fit to impose.".

**Amendment of Schedule.**

3. The Schedule to the principal By-Laws is amended—

*(a)* by substituting for the word "RM" appearing before item (1) and the particulars relating thereto the following heading:

"Category of Visitors Fee (RM)"; and

*(b)* by inserting after item (7) and the particulars relating thereto the following heading, items and particulars:

"Night Safari

| | *Category of Visitors* | *Fee (RM)* |
|---|---|---|
| (1) | Adults … … … … … | 10.00 per person |
| (2) | Children (3-12 years) … … … … | 6.00 per person |
| (3) | Adults group of more than … … … 20 persons and senior citizens (55 years above) | 8.00 per person |
| (4) | Children group of more than… … … 20 persons | 4.00 per person |
| (5) | Video camera ... … … … … | 5.00 per person". |

Dated 16 December 2003
[M.P.Tpg.A1/10/2/32; Pu.Pk. 23/75(vii)]

DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HAJI AHMAD
*President,*
*Taiping Municipal Council*

Confirmed this 16 December 2003
[PSUK.PK.(KT-AM); Pu.Pk.23/75(vii)]

HAJI SHARAIDIN BIN TAKIN
*Secretary,*
*State Executive Council,*
*Perak Darul Ridzuan*

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA